

Ruj. Kami : ST(IP/JKE)KE/11/09 ( 2 )  
Tarikh : 01 April 2020

**Suruhanjaya Tenaga**  
(Energy Commission)  
12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2  
62100 Putrajaya, Malaysia  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)



**SEMUA**  
**Pengilang & Pengimport**  
**Kelengkapan Elektrik**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN: TARIKH PERLAKSANAAN PENGEMASKINIAN *MINIMUM ENERGY PERFORMANCE STANDARDS* (MEPS) BAGI KELENGKAPAN PERIUK NASI ELEKTRIK (*ELECTRIC RICE COOKER*)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tarikh pelaksanaan keperluan memenuhi *Minimum Energy Performance Standards* (MEPS) bagi kelengkapan *Electric Rice Cooker* akan berkuatkuasa setahun daripada tarikh surat ini dikeluarkan.

3. Mulai dari tarikh penguatkuasaan tersebut, permohonan Perakuan Kelulusan (COA) samada baru atau pembaharuan untuk mengilang, mengimport, menjual, mempamer atau mengiklan kelengkapan *Electric Rice Cooker* hendaklah mengemukakan laporan ujian prestasi penggunaan tenaga mengikut standard pengujian yang telah ditetapkan di dalam panduan yang telah dikeluarkan oleh ST seperti butiran berikut:-

KELENGKAPAN	DOKUMEN	TARIKH DIKELUARKAN
<i>Electric Rice Cooker</i>	<i>Guide on Minimum Energy Performance Standard Requirements for Electric Rice Cooker</i>	1 April 2020

4. Panduan di atas boleh dimuat turun dari laman sesawang ST di alamat <https://www.st.gov.my/web/download/listing/150>.

5. Sehubungan dengan itu, diharapkan agar pihak tuan mengambil tindakan sewajarnya bagi tujuan permohonan COA untuk mengilang, mengimport, menjual, mempamer dan mengiklan kelengkapan *Electric Rice Cooker*.

Sekian, terima kasih.



**Ir. HJ. MD ZAKUAN BIN HJ. IBRAHIM**

Pengarah

Jabatan Kawal Selia Keselamatan  
Suruhanjaya Tenaga

- S.k.:
1. Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Tenaga
  2. Pengarah  
Jabatan Penguatkuasaan & Operasi Kawasan  
Suruhanjaya Tenaga
  3. Pengarah  
Jabatan Perancangan & Komunikasi Strategik  
Suruhanjaya Tenaga
  4. Pengarah Urusan  
SIRIM QAS International Sdn Bhd  
1, Persiaran Dato' Menteri  
Seksyen 2, 40000 Shah Alam, Selangor
  5. Head, Trade Facilitation  
Dagang Net Technologies Sdn Bhd  
Tower 3, Avenue 5  
The Horizon, Bangsar South  
No. 8, Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur